

## **Sosiobudaya Masyarakat Banjar di Malaysia**

Nurussobah Hussin  
Nurul Husna Mohd Yunus  
Nur Suhaila Juharei  
Wan Satirah Wan Mohd Saman

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### *Abstrak*

*Kajian ini adalah bertujuan untuk menyelidiki kelompok masyarakat Banjar yang terdapat di Malaysia iaitu dari aspek sejarah penghijrahan, tradisi, kefahaman pemikiran dan bahasa. Artikel ini menerangkan tentang suku-suku kaum Banjar yang terdapat di Malaysia, faktor-faktor kedatangan mereka ke Tanah Melayu sehinggalah ke tradisi dan budaya orang Banjar yang tidak diketahui oleh ramai ahli masyarakat di Malaysia pada masa kini. Artikel ini juga menceritakan tentang warisan tradisi Banjar dari segi makanan dan aktiviti seharian yang unik dan masih dipraktikkan di kalangan masyarakat Banjar. Sesungguhnya, kajian ini telah berjaya menerokai sosiobudaya masyarakat Banjar dengan lebih terperinci seterusnya membuktikan bahawa kewujudan etnik ini di Malaysia adalah benar dan bukan sekadar mitos semata-mata. Kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang agar rakyat Malaysia khususnya generasi Banjar dapat mengenali etnik ini dan tradisi masyarakat Banjar terus dapat dipelihara.*

*Kata kunci: Orang Banjar, Budaya, Bahasa, Malaysia, Masyarakat*

**Pengenalan**

Malaysia terkenal dengan sebuah negara yang mempunyai pelbagai bilangan etnik dari pelbagai sosiobudaya. Sosiobudaya ini difokuskan dari segi sejarah, adat resam, kepercayaan, pantang-larang dan kebudayaan. Pada umumnya masyarakat di Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Bajau dan pelbagai lagi etnik yang kecil termasuklah Banjar, Jawa, Mendaling dan sebagainya. Walaupun mempunyai pelbagai sosiobudaya yang berbeza, setiap etnik hidup dalam suasana harmoni dan saling menghormati antara satu sama.

Bagaimanapun, pada masa kini peratusan penduduk di Malaysia yang mengetahui tentang suku-suku kaum di Malaysia amat kurang kerana mereka tidak mempunyai ilmu dalam mengkaji suku kaum yang terdapat di Malaysia. Ramai yang tidak mengetahui tentang rumpun masyarakat Melayu yang terdiri daripada pelbagai suku kaum yang berbeza seperti Jawa, Minang dan Bugis. Etnik Banjar juga merupakan salah satu suku kaum yang terdapat dalam rumpun masyarakat Melayu. Namun begitu, masyarakat moden sekarang tidak begitu mengetahui tentang etnik ini dan masyarakat Banjar juga menganggap etnik mereka ini sudah lapuk dan tidak dikenali.

Kedatangan masyarakat Banjar ini seiring dengan kedatangan masyarakat Jawa ke Tanah Melayu namun masyarakat Banjar kurang dikenali berbanding masyarakat Jawa. Seperti etnik yang lain, etnik Banjar ini juga adalah satu etnik yang kompleks dan mempunyai sejarah kedatangan yang tersendiri di negara ini. Proses asimilasi telah menggabungkan masyarakat Banjar dengan masyarakat lain yang terdapat di Malaysia.

**Awal Kemunculan Orang Banjar di Sumatera**

Terdapat sekurang-kurangnya dua pendekatan yang menerangkan asal-usul orang Banjar. Pertama, pendekatan primordialisme yang dikemukakan oleh Alfani Daud (1997). Kedua, pendekatan konstruktifis atau situasionalis yang dikemukakan oleh Idwar Saleh (1986) dan dikembangkan oleh Marko Mahin (2004). Pendekatan primordialisme yang dinyatakan oleh Alfani Daud (1997) menjelaskan bahawa suku Banjar adalah penduduk asli sebahagian wilayah

Kalimantan Selatan iaitu Kabupaten Kota Baru. Mereka adalah penduduk asli Sumatera lebih daripada 1000 tahun yang dulu. Walaubagaimana pun menurut Alfani Daud, penapak etnik yang terawal di Sumatera adalah orang Dayak dan diikuti oleh imigran yang lain seterusnya diikuti oleh orang Banjar. Jadi daripada pelbagai etnik tersebut wujudlah pembentuk lima suku kaum orang Banjar iaitu Banjar Pahuluan, Banjar Batang Banyu, Banjar Kuala, Banjar Alai dan Banjar Kaluak. Setiap suku Banjar ini menetap di berlainan tempat seperti Banjar Kuala menetap dan mendiami kawasan di Banjarmasin dan Martapura.

Pedekatan yang kedua dinyatakan oleh Idwar Saleh(1986) adalah pada awal kewujudan Kesultanan Islam Banjar. Idwar Saleh telah meringkaskan bahasa suku Banjar terdiri daripada tiga sub etnik berdasarkan wilayah tempat tinggal mereka. Sub etnik yang pertama ialah Banjar Pahuluan iaitu campuran Melayu dan Bukit (bukit sebagai ciri kelompok). Sub etnik yang kedua ialah Banjar Batang Banyu iaitu campuran Melayu, Maayan, Lawangan, Bukit dan Jawa (Maayan sebagai ciri kelompok) manakala sub etnik ketiga iaitu Banjar Kuala adalah campuran Melayu, Ngaju, Barangas, Bakumpai, Maayan, Lawangan, Bukit dan Jawa. Pengkajian tentang permulaan kewujudan asal-usul Banjar di Sumatera amatlah rumit kerana pelbagai definisi dan pendapat oleh para pengkaji yang menemui beberapa bukti-bukti yang kukuh untuk melakukan kajian mereka.

### **Sejarah Penghijrahan Orang Banjar ke Malaysia**

Orang Banjar adalah satu kelompok masyarakat yang telah lama berhijrah ke Malaysia sejak awal abad ke-19. Oleh itu orang Banjar bukanlah penduduk asli Malaysia kerana mereka berasal dari Kalimantan di kawasan Selatan Basin Barito Indonesia. Penghijrahan mereka adalah disebabkan beberapa faktor iaitu perdadangan, kemiskinan dan penjajahan Belanda di Indonesia pada ketika dahulu. (Rahim Aman & Zulkifley Hamid, 2012). Menurut Idris Ali Badron (2015) faktor kedatangan orang Banjar ke Malaysia adalah disebabkan daripada kesusahan hidup di Kalimantan. Kedatangan Belanda ke Kalimantan yang memusnahkan pemerintahan Banjar sehingga mengancam nyawa mereka menyebabkan mereka tekad berhijrah ke Malaysia dengan menaiki perahu. Belanda telah mencetuskan perang Banjar dan membunuh

Sultan Muhammad Seman iaitu raja di kerajaan Banjar ketika itu dan penduduk Banjar terpaksa berhijrah ke Tanah Melayu untuk mendapatkan perlindungan.

Penghijrahan mereka telah membawa mereka ke lokasi terawal penapakan mereka di Malaysia iaitu negeri Perak (Kerian, Sungai Manik, Bagan Datoh), Selangor (Sabak Bernam, Tanjung Karang), Johor (Batu Pahat), Sabah (Sandakan, Tenom, Keningau, Tawau) dan Sarawak (Kuching, Sri Aman). Menurut Idris Ali Badron (2015), suku kaum Banjar yang bertapak di Malaysia antaranya (i) Banjar Kaluak iaitu dari daerah Balangan, (ii) Banjar Kuala dari daerah Martapura, (iii) Banjar Amuntai dari daerah Amuntai, (iv) Banjar Kandangan dari daerah Hamandit dan (v) Banjar Barabai dari daerah Alai. Proses asimilasi yang berlaku di Malaysia disebabkan percampuran masyarakat majmuk di Malaysia menjadikan budaya Banjar semakin tidak diamalkan tetapi sentiasa diingati oleh masyarakat yang berdarah Banjar. Walaubagaimanapun adat budaya masyarakat Banjar sentiasa di pelihara oleh pertubuhan badan bukan kerajaan iaitu Persatuan Banjar Malaysia yang sentiasa memberikan informasi tentang adat resam Banjar. Persatuan ini bukan saja bergiat aktif dalam memperkenalkan Banjar malah ia juga menjadi tempat pengumpulan masyarakat Banjar di seluruh Malaysia.

Jenis-jenis suku kaum Banjar antaranya ialah Kandangan, Amunthai, Alai, Kaluak, Kuala. Setiap suku kaum Banjar ini tidak mempunyai banyak perbezaan. Perbezaan antara suku kaum Banjar ini hanyalah dari segi dialeknya. Menurut Idris Ali Badron (2015) orang Banjar malu mengaku mereka berketurunan Banjar kerana mereka tidak boleh berbahasa ibunda mereka sendiri. Dianggarkan terdapat lebih 2.2 juta orang Banjar yang terdapat di Malaysia yang dinyatakan oleh Timbalan Pertubuhan Banjar Malaysia (PBM). Kedatangan orang Banjar ke Tanah Melayu telah membawa perubahan dalam aspek pertanian terutamanya dalam penanaman padi. Mereka mahir dalam aktiviti penanaman padi kerana di Sumatera hasil pendapatan mereka adalah berpunca daripada penanaman padi. Selain dari aktiviti pertanian, mereka juga menceburkan diri dalam bidang pembuatan alatan pertanian dan senjata.

**Kaedah Kajian**

Kaedah yang digunakan dalam menyiapkan tugas ini adalah berbentuk temu bual bersama Encik Idris Ali Badron iaitu Timbalan Pertubuhan Persatuan Banjar Malaysia. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkenaan tajuk yang telah dipilih iaitu pengkajian sosiobudaya masyarakat Banjar di Malaysia. Temubual dijalankan dengan menyediakan sebanyak 100 soalan berkaitan sosiobudaya orang Banjar. Soalan-soalan tersebut telah dijawab oleh responden dengan terperinci tentang keunikkan orang Banjar. Temubual ini telah dirakam dan ditranskripkan dalam bentuk buku untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.

**Sosiobudaya Masyarakat Banjar di Malaysia**

Kajian ini memberikan fokus kepada sosiobudaya yang terdapat di dalam masyarakat Banjar di Malaysia. Sosiobudaya yang difokuskan dalam kajian ini adalah adat budaya atau warisan tradisi, kefahaman serta kepercayaan, dan penggunaan bahasa Banjar. Sosiobudaya adalah bermaksud amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat, yang lahir daripada pegangan dan kecenderongan diri dan masyarakat berkenaan di dalam berbagai bidang hidup untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan hidup masyarakat (Mohd Arshad, 2007). Di Malaysia kehidupan sosiobudaya yang pelbagai dapat dilihat daripada pelbagai etnik dan hal ini hendaklah dijaga supaya tidak tercetus sikap rasis antara satu sama lain. Etnik Banjar juga mempunyai adat budaya yang tersendiri yang agak aneh dilihat oleh masyarakat moden di Malaysia tetapi hal itulah yang menonjolkan keunikannya dan ia haruslah dipelihara supaya generasi akan datang mengetahuinya. Hubungan sosial masyarakat Banjar dengan masyarakat majmuk di Malaysia adalah baik dan tidak mencetuskan sentimen perkauman. Budaya saling hormat-menghormati adalah menjadi satu sikap orang Banjar kerana hormat-menghormati adalah perkara yang dituntut dalam Islam. Oleh kerana orang Banjar amat patuh kepada ajaran Islam, mereka lebih cenderung melakukan perkara yang baik.

### Kefahaman dan kebudayaan

Kebanyakan orang Banjar yang berhijrah ke Tanah Melayu adalah terdiri daripada mereka yang kuat pegangan agama Islam dan mengamalkan cara hidup yang sederhana. Maka, tidak hairanlah bahawa masyarakat ini amat condong terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dalam kehidupan seharian mereka. Pada awal kemunculan masyarakat Banjar di Tanah Melayu didapati perkembangan pendidikan secara formal yang wujud dalam masyarakat setempat hanyalah berupa kelas membaca al-Quran, mempelajari hal ehwal dan syariat Islam iaitu samada di sekolah-sekolah agama rakyat ataupun di madrasah-madrasah. Bagi golongan yang berkemampuan pula mereka akan menghantar anak-anak mereka ke Tanah Suci Mekah untuk mendalami ilmu agama. Mereka jarang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kerajaan mahupun sekolah Melayu kerana mereka takut akan mata pelajaran yang diajar di sekolah tidak sesuai dan melebihi hal-hal duniawi berbanding ukhrawi. Mereka takut anak mereka dipengaruhi oleh dakwah Kristian apabila mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan. Mereka memegang kepada pepatah mereka sendiri iaitu "*Amon [kalau] sekolah Arab bahasa syurga, amon[kalau] sekolah orang putih bahasa neraka, amon [kalau] Bahasa Banjar bahasa kita*". Itulah ayat yang menjadi pegangan dan menjadi faktor kenapa mereka mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama dan menolak sekolah kebangsaan.

Perkara ini dapat dibuktikan pada awal tahun 60-an apabila bilangan pegawai kerajaan ataupun kakitangan yang berketurunan Banjar adalah sedikit berbanding masyarakat Melayu lain. Bilangan yang sedikit ini hanyalah pegawai-pegawai agama ataupun guru-guru agama. Masyarakat Banjar lebih berminat untuk terlibat dalam bidang keagamaan dan hal ehwal Islam sahaja. Kesan ini masih dapat kita lihat pada masa sekarang apabila terdapat banyak sekali sekolah pondok dikawasan yang majoriti penduduknya adalah berkaum Banjar iaitu di sekitar daerah Kerian Perak mahupun Daerah Sabak Bernam Selangor. Daripada pengkajian ini kita dapat lihat bahasa kefahaman orang Banjar adalah berlandaskan agama Islam dan sangat menitik beratkan ilmu keislaman dalam diri mereka dan anak-anak.

Di samping itu, kefahaman orang Banjar dapat ditakrifkan dari sikap kesukuan yang tinggi. Fahaman kesukuan mereka berkait rapat dengan keadaan mereka yang berhijrah dari Tanah Banjar ke Tanah Meayu. Akibat daripada pengasingan sesuatu tempat maka masyarakat Banjar ini akan tinggal berkelompok supaya setiap kaum mereka tidak berpecah dan mudah untuk menjaga kebajikan masing-masing. Mereka juga dianggap bersifat kesukuan kerana bagi mereka orang yang bukan berketurunan Banjar akan dianggap sebagai orang luar. Hal ini akan mempengaruhi cara pergaulan, perkembangan masyarakat Banjar dan keperibadian mereka. Fahaman kesukuan ini menyebabkan pemikiran kaum ini tertutup dan tidak berkembang. Sifat kesukuan ini menyebabkan perkahwinan campur adalah tidak digalakkan dalam masyarakat Banjar. Mereka lebih menyukai menjalinkan ikatan perkahwinan antara mereka sahaja kerana mereka ingin memelihara generasi mereka daripada bercampur dengan etnik yang lain. Namun, perkara seperti ini hanya diamalkan pada masa dahulu sahaja kerana fitrah manusia tiada siapa yang dapat menghalang dan pada masa kini perkahwinan campur dalam masyarakat Banjar menjadi perkara biasa dan tidak dititik beratkan lagi dalam kalangan masyarakat Banjar.

Kebudayaan masyarakat Banjar terdapat banyak nilai-nilai murni yang boleh diikuti sebagai teladan. Antara budaya masyarakat Banjar adalah amalan bergotong-royong untuk memasak atau rewang untuk sesuatu majlis. Amalan gotong-royong ini telah menjadi satu budaya masyarakat Banjar untuk meringankan beban tuan rumah. Selain itu amalan gotong-royong juga di jalankan semasa aktiviti penanaman padi. Menurut Abdul Halim (2013) amalan berderau adalah aktiviti penanaman padi secara berkumpulan dan aktiviti ini diadakan apabila musim padi bermula. Aktiviti ini adalah untuk mempercepatkan proses penanaman padi dan ia juga menunjukkan satu sikap kerjasama yang baik antara masyarakat. Selain itu, budaya masyarakat Banjar yang dipraktikkan sehingga ke hari ini adalah budaya kunjung-mengunjungi ke rumah saudaramara. Budaya hormat-menghormati tetamu juga dipraktikkan oleh masyarakat Banjar dengan menghidangkan tetamu dengan pelbagai juadah sebagai tanda menghormati kedatangan mereka ke rumah. Jika tetamu tidak dilayan dengan baik mereka menganggap itu adalah sebagai *pamali* iaitu berdosa tidak melayan tetamu dengan baik.

Selain itu budaya masyarakat Banjar yang masih diamalkan sehingga sekarang diperkampung Banjar adalah budaya bapukung. Bapukung ialah berendoi bagi maksud lain dimana cara berendoi masyarakat Banjar mempunyai keunikannya yang tersendiri. Budaya Bapukung ini mungkin kelihatan tidak selesa bagi masyarakat lain tetapi dalam masyarakat Banjar, budaya bapukung ini memberikan keselesaan kepada bayi. Bayi yang menangis jika dilakukan teknik bapukung ini akan terus berhenti menangis dan memberi keselesaan kepada bayi untuk tidur dengan lebih lama. Menurut Idris Ali Badron (2015) bayi yang dibuat cara begini akan tidur selama 2 jam berbanding cara biasa. Menurut beliau, bapukung ini adalah salah satu cara menggantikan selimut panas kerana pada masa dahulu tidak terdapat selimut untuk bayi di pasaran. Bapukung ini dapat dilihat di dalam Rajah 1 di mana kedudukan bayi di dalam buaian didudukkan dengan kaki berlunjur ke depan. Kemudian bahagian badan hingga ke leher bayi dibalut dan diikat dengan sehelai kain batik supaya bayi boleh duduk dalam keadaan menegak dalam buaian. Bagi masyarakat luar, budaya ini mungkin tidak kelihatan selesa namun bagi masyarakat Banjar, mereka berpendapat bapukung ini akan memberikan keselesaan kepada bayi walaupun bayi menghadapi selsema dan tidur bayi akan lebih nyenyak kerana badan mereka seolah-olah dipeluk. Amalan bapukung ini selalunya dilakukan kepada bayi yang berumur 10 bulan ke atas.



*Gambar 1: Budaya bapukung dalam masyarakat Banjar.*



Dari segi perubatan, masyarakat Banjar masih lagi menggunakan pengamal perubatan tradisional atau bomoh sebagai rujukan utama mereka dalam pelbagai masalah kesihatan terutama sekali jika berkaitan dengan alam ghaib. Terdapat juga pengamal perubatan tradisional berketurunan Banjar yang menggunakan ayat al-Quran sebagai kaedah mengubati penyakit (Nawal, 2013). Pengamal-pengamal perubatan kebanyakannya diwarisi kebolehan tersebut daripada generasi yang terdahulu iaitu daripada Banjarmasin. Pengamal perubatan Banjar ini tidak menggunakan kaedah tertentu. Mereka hanya menggunakan ayat suci al-Quran dan berserah kepada Allah yang menyembuh segala penyakit. Hal ini kerana, generasi pertama yang berhijrah ke Tanah Melayu dahulu adalah golongan yang handal dalam hal keagamaan dan orang Banjar terkenal dengan kaedah rawatan secara Islam. Pengamal perubatan tradisional ini tidak meminta bayaran yang mahal tetapi mereka meminta memberikan pengeras berupa secupak beras, sebilah jarum atau sejumlah wang yang diberikan seikhlas hati. Wang tersebut tidak ditetapkan jumlahnya tetapi haruslah disertakan dengan duit 25 sen daripada jumlah wang yang diberikan. Hal ini adalah bertujuan untuk melindungi tubuh bomoh daripada terkena penyakit daripada badan pesakit. Nilai sukuan ini adalah sebagai pendinding kepada bomoh tersebut.

### **Adat Resam atau Tradisi Masyarakat Banjar**

Adat resam atau tradisi masyarakat Banjar didefinisikan sebagai warisan turun temurun dari generasi pertama sehingga generasi sekarang. Adat resam masyarakat Banjar dapat digambarkan melalui adat perkahwinannya. Orang Banjar memandang perkahwinan sebagai sesuatu perkara yang serius. (Abdul Latif Abu Bakar, 2001). Menurut pandangan masyarakat Banjar, pernikahan yang dijalankan tanpa adat istiadat persandingan akan menimbulkan kecurigaan kepada masyarakat Banjar yang beranggapan bahawa pengantin hamil sebelum nikah. Adat resam yang dijalankan sebelum persandingan ialah adat "berpapai". Menurut Idris Ali Badron (2015), berpapai ini adalah bertujuan membersihkan pengantin perempuan dari segala kotoran di badan. Upacara mandi adat atau "berpapai" ini dijalankan di tempat khas yang dipanggil balai yang diperbuat daripada empat batang tiang dan diikat dengan batang tebu. Menurut Azrul Affandi Sobry (2012) upacara berpapai pengantin perempuan akan dimandikan oleh seorang bidan dan pembantu bidan dengan menggunakan upih pinang.

Pengantin lelaki akan bertandang ke rumah dan mandi adat bersama di mana pengantin lelaki dikehendaki memakai kain pelikat dan pengantin perempuan memakai kain batik bersama selendang untuk menutupi badannya. Apabila telah selesai upacara mandi adat pengantin lelaki dan perempuan hendaklah keluar dari balai dan melakukan upacara pijak telur sebelum naik ke rumah. Sebelum disandingkan, pengantin perempuan tidak dibenarkan melihat cermin kerana dikhuatiri hilang seri pada wajah. Pada hari persandingan, pengantin dan tetamu dipersembahkan dengan silat sembah dan diiringi dengan paluan kompang (Nawal, 2013). Menurut Idris Ali Badron (2015) masyarakat Banjar menjalankan upacara merenjis air mawar kepada pengantin.

Terdapat juga adat resam masyarakat Banjar dari segi pembuatan manisan dan makanan. Makanan dan manisan masyarakat Banjar sangat terkenal walaupun nama dan istilah berlainan bagi masyarakat luar. Semasa menjalankan majlis tertentu seperti majlis kesyukuran, cukur jambul dan majlis tahlil, manisan yang selalu di buat oleh masyarakat Banjar adalah “Wadai Kepeng” atau dalam istilah lainya kuih puteri mandi. Manisan ini hanya dibuat untuk meraikan sesuatu majlis dan dihidangkan kepada tetamu. Manisan ini menjadi adat resam di mana manisan ini wajib dibuat ketika melakukan sesuatu majlis. Wadai kepeng diperbuat daripada tepung pulut dan kuahnya diperbuat daripada santan serta gula merah. Tepung tersebut diuli dan dijadikan bentuk bulat, kemudian dipicit bahagian tengahnya.

Selain itu makanan yang menjadi tradisi masyarakat Banjar adalah “Ikan Wadik”. Ikan wadik atau istilah lainya dikenali sebagai ikan perkasam. Makanan ini sangat terkenal bukan sahaja dikalangan orang Banjar malahan juga oleh masyarakat lain. Penghasilan ikan wadik ini menggunakan ikan darat seperti ikan sepat dan ikan puyu yang hanya boleh didapati di kampung-kampung. Menurut Idris Ali Badron (2015) cara penyediaannya ikan wadik ini sangat mudah di mana kita perlu menyediakan guri untuk menyimpan ikan tersebut, kemudian goreng beras sehingga kuning dan taburkan bersama garam ke atas ikan tersebut. Ikan wadik ini boleh disimpan dalam jangka masa yang lama dan boleh bertahan sehingga lebih enam bulan. Ikan wadik ini juga merupakan makanan tradisi orang Banjar yang sentiasa menjadi kegemaran dan pembuka selera.



*Gambar 2: Menunjukkan rupa bentuk manisan tradisi masyarakat Banjar*



*Gambar 3: Ikan wadik*

### **Bahasa yang Digunakan Masyarakat Banjar**

Menurut Crystal (2000) terdapat lebih 6000 bahasa di seluruh dunia. Di antara bahasa-bahasa tersebut terdapat rumpun bahasa Austronesia (Malaya-Polynesia) yang penuturnya tersebar daripada Madagascar sehingga ke Pulau Easter serta dari Taiwan dan Hawaii sampai ke New Zealand. Di dalam rumpun bahasa Austronesia ini terdapat bahasa Melayu atau erti kata yang lain Bahasa Banjar ini adalah cabang daripada Bahasa Austronesia. Bahasa Banjar adalah bahasa yang digunakan oleh masyarakat Banjar untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Bahasa Banjar ini mungkin tidak difahami oleh golongan lain kerana gaya bahasa dan dialeknya sangat berlainan daripada bahasa yang digunakan di Indonesia walaupun bahasa Banjar mulanya datang dari Sumatera. Bahasa Banjar ini berasal dari daerah Kalimantan Selatan yang terbahagi kepada Banjar Kandangan, Amuntai, Alabiu, Kalua dan Alai. Bahasa ini banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu, Jawa dan bahasa Dayak. Bahasa Banjar ini terbahagi kepada dua kelompok dialek iaitu Bahasa Banjar Hulu dan Bahasa

Banjar Kuala. Dua pecahan bahasa ini mempunyai lenggok bahasa dan kosa kata yang berlainan.

Bahasa Banjar tidak termasuk dalam sistem pembelajaran di sekolah tetapi Bahasa Banjar ini masih ditutur dan diajar di sekolah-sekolah di Kalimantan dan bahasa ini diiktiraf dan dijadikan sebagai mata pelajaran setempat. Rajah 4 di bawah menunjukkan perbezaan bahasa Banjar Hulu dan Banjar Kuala serta maksudnya di dalam bahasa Melayu.

Bahasa Melayu	Banjar Kuala	Banjar Hulu
Menemani	Dangani	Gani'i
Dapat/boleh	Kawa	Hingkat
Seronok	Himung	Arai
Bersiar-siar	Bakunjang	Balalah
Membeli	Ma-nukar	Ma-hurup

*Rajah 4: Menunjukkan perbezaan penggunaan kosa kata Bahasa Banjar*

Bahasa Banjar pada masa kini dikuasai oleh golongan-golongan tua manakala golongan muda menganggap bahasa ini tidak penting dipelajari. Terdapat segelintir individu yang berpendapat bahawa bahasa ini sudah tidak relevan. Ini menyebabkan akan terhakisnya nilai-nilai murni yang terdapat dalam kelompok masyarakat Banjar itu sendiri dan lama kelamaan etnik ini akan pupus kerana budaya warisannya tidak diperlihara oleh pewarisnya. Bagaimanapun, inisiatif segelintir masyarakat Banjar untuk mengekalkan sosiobudaya Banjar ini dengan menubuhkan Pertubuhan Banjar Malaysia di setiap negeri di Malaysia amatlah baik. Pertubuhan ini dapat mengumpul sebanyak mungkin masyarakat Banjar yang terdapat di Malaysia dan mengekalkan Bahasa Banjar dalam percakapan seharian di dalam kalangan masyarakat Banjar. Pertubuhan ini mendapat pengiktirafan dari pada pihak kerajaan untuk menjalankan sebarang aktiviti.

### Kesimpulan

Masyarakat Banjar sekarang ini sudah mengalami arus permodenan dan berubah seiring dengan kepesatan kemajuan negara. Ini terbukti dengan penglibatan orang Banjar dalam bidang keusahawanan dan politik. Dengan terdapat banyak ahli-ahli politik yang berketurunan Banjar membuktikan bahawa masyarakat Banjar masa kini sudah boleh menerima pembelajaran dari sekolah-sekolah kerajaan dan dapat mengimbangi antara hal-hal duniawi dan ukhrawi. Di samping itu pemikiran mereka dan kefahaman mereka terhadap sifat kesukuan juga telah terhakis kerana mereka lebih bersifat terbuka dalam menerima percampuran dari segi perkahwinan dengan etnik lain di Malaysia seperti Jawa, Bugis, Melayu dan sebagainya. Namun, proses asimilasi yang berlaku di Malaysia disebabkan percampuran masyarakat majmuk di Malaysia menjadikan budaya Banjar semakin tidak diamalkan tetapi sentiasa diingati oleh masyarakat yang berdarah Banjar.

### Bibliografi

- Alfani Daud. (1997). Islam dan masyarakat Banjar: Deskripsi dan Analisa Kebudayaan Banjar. Jakarta: Rajawali Press.
- Alfigenk Ansyarullah. (2012). Diaspora urang Banjar di Malasysia. Diakses pada 20 Oktober 2016 di [http://www.kompasiana.com/alfigenk/diaspora-urang-Banjar-di-malaysia\\_55197adba333119317b65a0c](http://www.kompasiana.com/alfigenk/diaspora-urang-Banjar-di-malaysia_55197adba333119317b65a0c)
- Azmirza ElBanjary. (2012). Kejagauan (kejagoan) orang Banjar di negeri jiran Malaysia. Diakses pada 18 Oktober 2016 di <http://azmirza.heck.in/kejagauan-kejagoan-orang-Banjar-di-negeri.xhtml>
- Daud, Alfani. (1997). Islam dan masyarakat Banjar: diskripsi *dan analisa kebudayaan Banjar*. Jakarta: Rajawali Press.
- Fauzi, Iwan (2008). Pemertahanan Bahasa Banjar di Komunitas Perkampungan Dayak. Diakses pada 20 Oktober 2016 di <http://iwanfauzi.files.wordpress.com/2008/12/makalah-seminar-saddann-iii.pdf>
- Hasan Zainudin.(2014). Keturunan Banjar di Malaysia menjadi Melayu baru. Diakses pada 19 Oktober 2016 di <http://www.antaranews.com/berita/461098/keturunan-Banjar-di-malaysia-jadi-melayu-baru>
- Irfan Nor. (2010). Identiti etnik dan etika nasional Malaysia: satu kajian mengenai peneguhan identiti Islam etnik Banjar. Tesis. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

- Marko Mahin. (2004). *Urang Banjar: Identitas dan etnisitas di Kalimantan Selatan*. Kandil.
- Mohd Akbal Abdullah & Rafiuddin Afkari Abdul Fattah. (2013). *Diaspora rumpun Melayu di Muar, Johor, Malaysia*. Pusat penyelidikan Kelestarian Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muhammad Sabil AlBanjari. (n.d). *Orang Banjar di Malaysia*. Diakses pada 20 Oktober 2016 di [http://members.tripod.com/~serambi\\_Banjar/index401.html/](http://members.tripod.com/~serambi_Banjar/index401.html/)
- Nawal Abd Rahim.(2013). *Sejarah bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu*. Tg Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Portal Rasmi Pertubuhan Banjar Malaysia. Diakses pada 18 Oktober 2016 di <http://www.mypbm.org/>
- Rahim Aman, Zulkifly Hamid & Shahidi Abd Hamid. (2012). Profil pemikiran Banjar: satu kajian perbandingan antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 12-22. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar (2014). *Pantang larang masyarakat Banjar di Selangor*. Diakses pada 20 Oktober 2016 di <http://drshafie.blogspot.my/2014/12/pantang-larang-masyarakat-Banjar-di.html>
- Wikipedia. (2015). *Orang Banjar*. Diakses pada 20 Oktober 2016 di [https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang\\_Banjar](https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_Banjar)